

20 OCT 1996

Ting-Rumah

KERTAS KABINET HARGA RUMAH KOS RENDAH SIAP AKHIR TAHUN INI

PANTAI REMIS, 20 Okt (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menyediakan satu kertas cadangan untuk Kabinet mengenai kadar baru harga rumah kos rendah di kawasan tertentu yang mempunyai nilai tanah yang tinggi.

Menteri berkenaan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata kementerian akan mengenal pasti kawasan yang menghadapi kos harga tanah yang tinggi untuk memastikan kadar baru rumah kos rendah yang tentunya melebihi kos RM25,000 yang dikenakan pada masa ini.

Kenyatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa harga rumah kos rendah perlu mengikut lokasi adalah satu cadangan yang baik dan realistik memandangkan pemaaju menghadapi kesukaran untuk membina rumah kos rendah di kawasan-kawasan tertentu yang mempunyai kadar harga tanah yang tinggi.

Ting berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pejabat cawangan MCA bernilai RM85,000 di Kampung Baru Changkat Keruing dekat sini, yang akan turut menempatkan bilik sumber projek Langkawi untuk kegunaan pelajar dan penduduk di kawasan itu.

Beliau berkata antara kawasan yang dikenalpasti adalah Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Baharu di mana harga tanah di kawasan itu terlalu tinggi malah pembinaan seunit rumah kos rendah berharga RM35,000 hingga RM40,000 melebihi kadar yang ditetapkan sebanyak RM25,000.

Beliau berkata kadar baru yang dicadangkan akan dibincangkan dengan kerajaan negeri sebelum dikemukakan kepada Kabinet untuk kelulusan.

Ting berkata dengan penetapan rumah kos rendah berdasarkan kawasan ini akan dapat memastikan matlamat kerajaan untuk membina 650,000 rumah kos rendah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dapat tercapai lebih awal dari tempoh yang ditetapkan.

-- BERNAMA.

HK AHH